

Komunikasi di media sosial secara bertanggungjawab di Kolej Kediaman

Oleh Dr. Syahrudin Awang Ahmad
UB 19.9.2019 15
TAHUN 2019 sudah separuh dilayari sebagai satu lagi tahun alaf baharu yang menyaksikan perubahan teknologi maklumat dan cara manusia berkomunikasi.

Fenomena ini dijelaskan oleh Eric Schmidt dan Jared Cohen dalam buku berjudul 'The New Digital Age: Reshaping the Future of People Nations and Business' yang menjelaskan bahawa strategi untuk kekal hidup sebagai manusia bermaklumat adalah menerusi perkongsian berita dan cerita yang berterusan dalam masyarakat melalui fungsi komputer dan jaringan Internet yang mendorong pengguna-pengguna Internet untuk saling berhubung antara satu sama lain dengan tujuan serta kepentingan masing-masing.

Namun, kebelakangan ini, matlamat yang baik menerusi perkongsian maklumat itu dicemari dengan teretusnya insiden-insiden perkongsian maklumat secara negatif baik dalam bentuk komentar dan rakaman video di Facebook mahupun tular (viral) cerita di 'group Whatsapp' yang memberi impak kepada keharmonian hidup masyarakat akibat apatah lagi maklumat yang dikongsi itu menyentuh hal ehwal kaum dan agama serta polemik isu semasa.

Hakikatnya, semua perkara atau isu yang ditularkan di laman sosial itu boleh dibincangkan secara bijaksana dan bertanggungjawab menerusi saluran yang betul.

Situasi rumit yang berpunca daripada penyebaran cerita dan polemik isu ini berlaku mungkin kerana struktur dan keperibadian ahli-ahli masyarakat yang semakin kompleks baik dari sudut keterbukaan dalam memberikan pandangan terhadap persekitaran kehidupannya, mahupun pendapat tentang satu-satu ideologi.

Walau bagaimanapun, kemahuan untuk bersuara bukanlah tiket untuk seseorang mengetengahkan apa-apa pendapat secara terbuka dan tidak bertanggungjawab.

Ini yang demikian kerana, dalam konteks negara Malaysia yang berbilang kaum dan agama, aspek jati diri satu-satu kaum dan agama masih menjadi perkara nombor satu yang perlu dititikberatkan oleh sesiapa pun sebelum seseorang atau sekumpulan ahli masyarakat itu berceles tentang isu-isu tertentu di media sosial.

Aspek hormat-menghormati, sensitif kepada kepentingan satu-satu kaum dan agama serta pematuhan

undang-undang terutama perundangan yang berkaitan dengan media sosial adalah suatu perkara yang amat dituntut di negara ini.

Sementelaah, ia sekali gus menjadi teladan untuk golongan muda yakni remaja yang baru meningkat usia untuk mereka melihat dan menilai sama ada golongan belia atau dewasa boleh diikuti perbuatan serta cara berfikir mereka atau sebaliknya.

Danah Boyd mengutarakan kerisauan beliau terhadap golongan remaja masa kini sejak lima tahun lepas menerusi tulisannya yang berjudul 'It's Complicated: the Social lives of networked teens' di mana beliau menggambarkan bagaimana fungsi media sosial dan jaringan internet kian berubah dari sesuatu yang mendatangkan faedah kepada semua pihak, kepada suatu perkara yang menakutkan.

Menurut beliau, anak-anak remaja di seluruh dunia kini 'dididik tanpa sempadan untuk menjadi baik dan jahat secara serentak' hanya melalui aplikasi media sosial dan tabiat melayari Internet tanpa kawalan dan dengan itu mereka bebas mengambil contoh personaliti atau budaya popular yang mereka mahu.

Pandangan Boyd ini ada asasnya dalam memperkatakan tentang bentuk kawalan dan halatuju kehidupan seseorang remaja. Penulis melihat prinsip komunikasi di media sosial secara bertanggungjawab di dunia hari ini adalah berlawanan dengan realiti dalam masyarakat yang 'mudah mencetuskan permusuhan dan kerumitan' dalam hidup.

Dalam konteks Kolej Kediaman, pihak pengurusan melihat keadaan ini dari dua dimensi iaitu pertama, kebaikan untuk para pelajar universiti untuk mematangkan pemikiran dengan cara menelaah banyak isu dan menilai secara akademik, dan kedua, warga kolej kediaman akan cenderung untuk menggunakan platform media sosial seperti WhatsApp dan Facebook sebagai satu medan untuk membahaskan satu-satu perkara secara tidak terkawal dari segi emosi dan fakta.

Ini yang demikian kerana, para pelajar yang juga merupakan warga Kolej Kediaman mempunyai kenalan yang ramai dalam jaringan Internet yang rata-rata agak berbeza latarbelakang demografik.

Penggunaan group WhatsApp, 'fan' atau 'group page'

di Facebook dan Telegram kini bukanlah suatu yang asing bagi kebanyakan daripada kita. Hampir setiap seorang daripada ahli masyarakat yang mempunyai telefon pintar akan mempunyai sekurang-kurangnya satu group WhatsApp dan satu fan atau group page yang diikuti di aplikasi Facebook.

Begitulah juga dengan aplikasi Telegram, yang digunakan oleh kebanyakan daripada kita untuk menyebarkan maklumat kepada lebih daripada seorang pengguna aplikasi berkenaan dengan matlamat serta faedah yang dikongsi bersama.

Justeru, adalah penting bagi pihak pengurusan Kolej Kediaman untuk akur bahawa sebarang kemungkinan penyebaran berita atau cerita secara tidak betul dan tidak bertanggungjawab boleh berlaku dalam persekitaran Kolej Kediaman itu sendiri.

Keutamaan dalam menggunakan ketiga-tiga aplikasi ini adalah perkongsian maklumat dan penyebaran berita yang dikehendaki oleh semua pihak. Sungguhpun begitu, setiap set maklumat baik yang bersifat santai mahupun formal, perlu diurus dengan betul, cekap dan bertanggungjawab agar semua pihak mendapat kebaikan daripada maklumat tersebut.

Seciranya maklumat yang disebar tidak lengkap, palsu, berunsur fitnah dan mengadu domba mana-mana pihak dalam masyarakat, maka, maklumat yang demikian dianggap sebagai salah dan tidak sepatutnya berlegar dalam mana-mana group whatsapp atau ruangan komentar di fan atau group page Facebook.

Di Kolej Kediaman Excellent (KKE), Universiti Malaysia Sabah (UMS), usaha dilakukan melalui pengenalan Garispanduan Penggunaan Laman Sosial KKE sejak tahun 2017 yang secara teknikal adalah berteraskan kepada undang-undang sedia ada di UMS, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bersama dengan peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Pihak pengurusan KKE memandang berat terhadap salah laku yang berkaitan dengan penggunaan media sosial dalam organisasi pengurusan dan pentadbiran Kolej.

Justeru, pihak Kolej Kediaman ini secara sedar dan sukarela menjadi mata dan telinga kepada pihak

pengurusan tertinggi UMS, SKMM dan PDRM dalam memastikan agar warga KKE berada dalam lingkungan kawalan dan pemantauan bagi sebarang maklumat dan cara maklumat itu disampaikan.

Usaha pihak Kolej Kediaman ini bukanlah bertujuan untuk menyekat mana-mana individu pelajar untuk menyuarakan pandangan atau mengemukakan apa-apa aduan serta ketidakpuasan hati terhadap sesuatu perkara. Ini kerana, pihak KKE telah dan akan terus menyediakan sudut pengucapan awam, aduan melalui borang atas talian (QR Code), sesi dialog bersama pengurusan dan rundingan bersama dengan pihak Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman khusus untuk mendengar seterusnya mengambil tindakan yang sesuai ke atas mana-mana idea, pendapat atau aduan yang diterima daripada para pelajar.

Pengurusan Kolej Kediaman Excellent sama seperti Kolej-Kolej Kediaman lain di UMS, sentiasa bersedia menyahut seruan pihak kerajaan untuk menyuburkan aspek Intelligence Quotient melalui Emotional Intelligence bagi menzahirkan personaliti manusia yang seimbang akal dan peribadinya.

Secara ilmiah, pembangunan sahsiah sebegini adalah seiring dengan pandangan Daniel Coleman dalam buku Social Intelligence: The New Science of Human Relationship bahawa manusia yang tahu bercakap dan menulis satu-satu maklumat, sepatutnya tahu apa kesan baik atau buruk akibat percakapan dan penulisannya kepada pihak-pihak yang menerima maklumat tersebut.

Justeru, langkah-langkah yang bersifat teknikal tetapi jelas dari segi matlamat untuk menggalakkan aktiviti berkongsi maklumat dalam kalangan warga Kolej Kediaman ini adalah semata-mata untuk memelihara keharmonian, kesejahteraan dan sensitiviti kaum serta agama dalam kalangan warga Kolej Kediaman khususnya dan Universiti amnya. Pendekatan yang diambil oleh pihak pengurusan dan pentadbiran KKE ini adalah sejajar dengan konsep 'Sayangi Malaysiaku' dan 'Malaysia Bersih' yang dijunjung sebagai prinsip kehidupan bermasyarakat yang disarankan oleh kerajaan di negara ini.

***Dr. Syahrudin Awang Ahmad adalah Pengetua di Kolej Kediaman Excellent, Universiti Malaysia Sabah